

Pengangguran isu sejagat

B/Minggu 18/12/11 MS 14.

Pengangguran antara isu global yang mula mendapat perhatian dunia untuk dibincangkan secara serius di seluruh dunia selepas rasuah dan kemiskinan. Mengikut laporan GlobeScan untuk BBC World Service, tinjauan terhadap 11,293 orang menunjukkan 18 peratus daripadanya lebih berminat membincangkan isu pengangguran berbanding 3 peratus saja pada 2009.

Grafik menunjukkan isu hangat yang diperkatakan. (Purata 19 daripada 23 negara)




*Tinjauan GlobeScan membabitkan 11,293 dewasa daripada 23 negara.

INFO PENGANGGURAN

- Ciri membezakan negara maju dan negara berkembang adalah kadar pengangguran iaitu negara maju umumnya, mempunyai kadar pengangguran rendah manakala pengangguran di negara berkembang biasanya tinggi.
- Kesejahteraan rakyat suatu negara dapat dilihat dari angka kemiskinan apabila negara makmur memiliki sebilangan kecil rakyat miskin.
- Kadar pengangguran di negara kita meningkat daripada 2.9 peratus pada Februari 2011 ke 3.4 peratus (September 2011)
- Jumlah penganggur pada 2010 seramai 396,600 orang berbanding September 2011 yang mencecah 412,600 orang.
- Penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan di negara ini hanya 46 peratus, satu kadar paling rendah di rantau ini berbanding negara jiran pada 70 peratus
- Pasaran saham rantau ini diberikan petunjuk positif selepas Jabatan Tenaga Buruh Amerika Syarikat (AS) melaporkan data pengangguran jatuh ke paras terendah dalam tempoh 32 bulan pada 8.6 peratus pada November berbanding sembilan peratus disasarkan penganalisis.
- Ekonomi Amerika Syarikat (AS) mewujudkan 120,000 pekerjaan, 20 peratus lebih tinggi berbanding data Oktober.
- Kabinet Itali bersetuju dengan pelan penjimatan yang menghapuskan defisit bajetnya menjelang 2013, termasuk 17 bilion euro dalam cukai baru, 13 bilion euro untuk pemotongan perbelanjaan awam dan 10 bilion euro bagi merangsang pertumbuhan.
- Pengangguran lebih tinggi di kalangan orang lebih muda. Di seluruh dunia, di rantau Asia Pasifik, pengangguran belia (15 hingga 24 tahun) adalah dua kali ganda lebih tinggi daripada jumlah keseluruhan pengangguran.
- Di rantau Asia Pasifik, pengangguran belia meningkat sejak 18 tahun yang lalu. Bagaimanapun, kadar pengangguran belia di Utara dan Asia Tengah dan Pasifik menurun.

KADAR PENGANGGURAN MALAYSIA

Januari 2010 - September 2011



Oleh Nadia Hamid
nnadia@bharian.com.my

PENGANGGURAN antara isu global yang hangat dibahaskan secara serius masyarakat dunia kini. Terdahulu, masyarakat dunia lebih gemar membincangkan isu kemanusiaan membabitkan kemiskinan dan rasuah.

Krisis kegawatan ekonomi yang melanda Amerika Syarikat dan United Kingdom dan beban hutang tinggi Greece serta negara Eropah lain ternyata menyebabkan momentum pertumbuhan ekonomi masyarakat dunia tergugat, menjejaskan ekonomi negara lain dan memberi impak besar terhadap kadar pengangguran.

Awal Disember lalu, Rizab Persekutuan Amerika Syarikat (AS), Bank Pusat Eropah, Bank England dan bank-bank pusat Kanada, Jepun dan Switzerland bekerjasama untuk memudahkan bank meminjam dolar bertujuan mengelakkan krisis hutang di Eropah.

Jika bank Eropah gagal atau negara lalai dalam menjelaskan hutang, pelabur bimbang ia boleh menyebabkan pinjaman global bermasalah seperti ketika Lehman Brothers tumbang pada 2008 atau diisytiharkan mufliis seperti Greece yang pendapatannya 100 peratus terpaksa membayar hutang.

Baru-baru ini, negara kita turut digemparkan dengan jangkaan mufliis akibat beban hutang mencapai RM1.158

trillion pada 2019. Sebagai antara negara paling banyak memberikan subsidi, tahun lalu saja, Malaysia mencatatkan jumlah subsidi mencecah RM74 bilion merangkumi bahagian sosial (RM42.4 bilion), bahan api dan tenaga (RM23.5 bilion), prasarana (RM4.8 bilion) dan makanan (RM3.4 bilion).

Jumlah subsidi itu dianggap bersamaan RM12,900 bagi setiap isi rumah, ia menimbulkan beban fiskal kepada ekonomi Malaysia dan patut dihindari bagi menyelamatkan negara daripada menjadi mufli.

Sementara itu, Perdana Menteri China, Wen Jiabao memberi amaran bahawa risiko lambakan beban hutang kerajaan dan kadar pengangguran tinggi di Amerika Syarikat (AS) boleh menjejaskan pemilihan ekonomi keseluruhan sekali gus mengheret kemelesetan kedua dan penurunan ekonomi global.

Bagaimanapun, berdasarkan kenyataan Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz, negara kita mempunyai ekonomi domestik kukuh menerusi pasaran maju, institusi kewangan, bank pusat membina penampakan dan rizab sangat tinggi menyebabkan negara berada pada kedudukan lebih baik untuk menghadapi persekitaran mencabar daripada krisis zon Eropah.

Sehingga kini, tahap pengangguran di negara kita masih terkawal berbanding negara lain seperti Palestin yang mengalami kadar pengangguran tertinggi sebanyak 45.2 peratus pada 2010 dan 45.7 peratus pada 2009.

PROGRAM CARIAN PEKERJAAN DI MALAYSIA



Program: Barisan Nasional Youth Job Fair 2011 (BNYJF11)
Tempoh: Mac 2011 (tiga hari)
Peluang pekerjaan: 55,000
Majikan: 400 syarikat daripada sektor awam dan swasta
Lokasi: Kuala Lumpur, Kedah, Pahang, Melaka, Sabah dan Perak
Pemohon: Penganggur, penuntut lepasan institut pengajian tinggi dan pekerja yang mahu peluang kerja lebih baik dengan tangga gaji lebih tinggi.
Kejayaan: Kirana nisbah satu peluang kerja berbanding tujuh pemohon berdaftar dengan BNYJF11



Program: Portal Enjin Carian Pekerjaan, JobsMalaysia
Url: JobsMalaysia.gov.my
Tempoh: Januari 2011
Peluang Pekerjaan: 130,000 pekerjaan pelbagai peringkat
Majikan: 40,000 majikan berdaftar
Anjuran: Kerajaan Malaysia melalui Jabatan Tenaga Kerja
Pemohon: Penganggur dan penuntut lepasan institusi pengajian tinggi
Kejayaan: Lebih 170,000 pencari kerja berdaftar Jobs termasuk 52,000 graduan mendapat pekerjaan bagi tempoh Januari hingga Oktober 2011.

ANTARA ISU GLOBAL JADI PERHATIAN

Isu rasuah

Rasuah masih menjadi ancaman kestabilan ekonomi, moral dan integriti sesebuah negara. Peningkatan rasuah di sesetengah negara menyebabkan banyak pihak bangkit memprotes dan menjadi isu sejagat.


KURANG RASUAH (10)		CPI SCORE		TINGGI RASUAH(0)	
1 New Zealand	9.5	14 Jerman	8.0	172 Venezuela	1.9
2 Denmark	9.4	16 UK	7.8	175 Haiti	1.8
2 Finland	9.4	24 A.S.	7.1	175 Iraq	1.8
4 Sweden	9.3	25 France	7.0	177 Sudan	1.6
5 Singapura	9.2	31 Sepanyol	6.2	177 Turkmenistan	1.6
6 Norway	9.0	69 Itali	3.9	177 Uzbekistan	1.6
7 Belanda	8.9	75 China	3.6	180 Afghanistan	1.5
8 Australia	8.8	80 Greece	3.4	180 Myanmar	1.5
8 Switzerland	8.8	112 Mesir	2.9	182 Korea Utara	1.0
10 Kanada	8.7	143 Russia	2.4	182 Somalia	1.0



Sumber: Transparency International Gambar: Getty Images © GRAPHIC NEWS

Isu kenaikan harga bahan makanan

Harga makanan sedunia pada Julai meningkat tinggi 33% berbanding tahun lalu. Harga minyak meningkat 45%, memaksa lonjakan harga baja menurut the World Bank's Food Price Watch.



Sumber: World Bank © GRAPHIC NEWS